

Tenaga Kerja Indonesia (TKI) Bugis dalam Sektor Perladangan Kelapa Sawit di Sabah

WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN
RAMLI DOLLAH
DEWI HERVIANI

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Jln. UMS, 88400 Kota Kinabalu.

ramlid@hotmail.com, wshawal@yahoo.com

Abstrak Tenaga Kerja Indonesia (TKI) merupakan sumber pekerja utama dalam sektor perladangan di Sabah, terutamanya kelapa sawit. Kumpulan TKI yang paling dominan adalah berketurunan Bugis (termasuk TKI dan Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang datang dari Sulawesi Selatan, diikuti oleh pekerja berketurunan Timor (Adonara dan Flores di Nusa Tenggara) dan Jawa. Kertas kerja ini memfokuskan kajian ke atas TKI berketurunan Bugis dan cuba melihat bagaimana kumpulan ini mendominasi sektor ini di Sabah. Bagi melengkapai kajian ini, tinjauan dan temu bual telah dibuat di beberapa buah estet di Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak dan Tawau. Di samping itu, temu bual turut dibuat dengan Konsulat Jeneral Indonesia di Kota Kinabalu dan Tawau, pihak majikan dan agensi pekerjaan. Kajian mendapati bahawa rangkaian sosial dalam kalangan migran Bugis dan faktor desakan ekonomi serta usaha untuk meningkatkan taraf hidup sebagai punca utama migran Bugis cukup dominan dalam sektor perladangan di Sabah.

Kata kunci: Tenaga Kerja Indonesia (TKI), Bugis, sumber, ladang kelapa sawit, Sabah.

Abstract *Tenaga Kerja Indonesia (TKI) is the main source of workers in the plantation sector in Sabah, especially palm plantation. The Bugis is the dominant group (including migrant workers and illegal immigrants) who are from South Sulawesi, followed by the Timorese (who are from Adonara and Flores) and Java. This paper focuses on the study of TKI Bugis and seeks to explain how these people dominated the sector in Sabah. To complement this study, surveys and interviews have been conducted in several estates in Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak and Tawau. In addition,*

interviews were carried out with the Consulate General of Indonesia in Kota Kinabalu and Tawau, employers and employment agencies. This study found that social networks among Bugis migrants and the economic factor as well as efforts to improve the standard of living as the main causes for the Bugis migrants dominating the plantation sector in Sabah.

Keywords: Tenaga Kerja Indonesia (TKI), Bugis, source, oil palm plantations, Sabah.

PENGENALAN

Perladangan kelapa sawit merupakan satu sektor yang sangat penting di Sabah (Wan Shawaluddin & Ramli Dollah, 2011). Terdapat tiga sebab mengapa sektor ini penting (W. Shawaluddin *et al.*, 2011). Pertama, penanaman komoditi ini melibatkan kawasan seluas 1,361,598 juta hektar. Keduanya, sektor ini menyumbangkan sejumlah RM12, 576,569.00 kepada ekonomi Sabah. Ketiga, sektor ini juga menyumbangkan sebanyak 33.8 peratus kepada jumlah eksport Sabah. Walau bagaimanapun, sektor ini ternyata terlalu bergantung kepada tenaga buruh asing terutama dari Indonesia. Data dari Konsulat Jenderal Republik Indonesia, Kota Kinabalu menunjukkan seramai 241,936 TKI yang bekerja dalam sektor perladangan di Sabah pada tahun 2013 (Konsulat Jenderal, Kota Kinabalu, 2014). Perladangan merupakan sektor terbesar yang menggunakan pekerja asing mengatasi sektor lain. Mereka yang dimaksudkan ialah TKI yang berasal dari Sulawesi Selatan, iaitu pekerja berketurunan Bugis. Lebih 90 peratus dari mereka terlibat dalam sektor perladangan kelapa sawit. Selebihnya ialah mereka yang terdiri daripada penduduk Pulau Flores serta Adonara di Nusa Tenggara Barat (NTB) serta Nusa Tenggara Timur (NTT). Di Sabah, kebanyakan mereka ini dikenali sebagai ‘Om.’ Artikel ini menjelaskan mengapa orang Bugis begitu dominan dalam sektor ini berbanding dengan sektor lain. Artikel ini ditulis berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang telah dilakukan dari tahun 2009 sehingga 2013, di beberapa buah estet kelapa sawit di Tawau, Lahad Datu, Kinabatangan dan Sandakan. Temu bual telah dibuat dengan pengurus dan penolong pengurus, mandur, pihak Konsulat Jenderal Republik Indonesia, TKI, PTI serta pihak polis. Artikel ini terbahagi kepada tiga bahagian utama

iaitu pertama, latar belakang penghijrahan Bugis ke Sabah. Kedua, membincangkan dominasi Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah dan akhir sekali kesimpulan.

LATAR BELAKANG PENGHIJRAHAN BUGIS KE SABAH

Orang Bugis berasal dari Sulawesi Selatan dan beragama Islam. Pelras menyatakan bahawa masyarakat Bugis merupakan kumpulan masyarakat yang paling kompleks dan rigid di kepulauan ini dengan strata yang jelas terdiri dari beberapa bentuk mobiliti (Pelras, 2006). Mereka terkenal sebagai pelayar dan bangsa yang suka merantau serta menyebarkan Islam di Nusantara (Acciaoli, 2009). Pelras (2006) turut merumuskan ciri kegigihan masyarakat Bugis sebagai individu yang dinamik dan kuat. Hal ini dikaitkan dengan beberapa ciri budaya dalam masyarakat Bugis seperti konsep ‘*siri*’ (disamakan dengan konsep maruah) yang memaksa mereka untuk ‘merantau,’ selari dengan konsep hijrah dalam ajaran Islam. Oleh itu, tidak menghairankan bagi mereka yang berketurunan Bugis akan memaksa anak mereka yang telah berkahwin untuk keluar dari rumah sebagai tanda kepada hijrah atau ‘merantau’ kepada sesuatu yang lebih baik. *Passompe*’ (pengembala) dan idea ‘merantau’ sangat besar maknanya dalam kehidupan masyarakat Bugis dan ia merupakan satu elemen yang sukar untuk dipisahkan dalam kehidupan sehari-hari mereka (Lineton, 1975).

Menyingkap sejarah keberadaan orang Bugis ke Tanah Melayu, cerita Bugis lima bersaudara merupakan kisah yang sering diperkatakan. Menurut kisah tersebut, mereka kemudian telah membantu putera-putera raja Melayu yang terlibat dalam perebutan takhta. Andaya menyebutnya sebagai ‘the Bugis period’ (Andaya & Andaya, 1983: 80). Orang Bugis kemudian telah mendirikan Kesultanan Selangor, Terengganu serta Johor. Walau bagaimanapun, apabila memperkatakan tentang pertapakan Bugis di Sabah, tidak terdapat sejarah yang jelas mengenai hal ini kerana terdapat banyak pandangan yang wujud tentangnya. Suraya misalnya menjelaskan bahawa kurangnya kajian tentang kehadiran masyarakat Bugis ini memerlukan kepada kajian-kajian yang lebih mendalam berhubung kehadiran masyarakat ini ke negeri Sabah (Suraya, 2007). Namun,

berdasarkan kepada pemerhatian dan pengkajian, penulis berhujah bahawa terdapat sekurang-kurangnya empat gelombang utama kehadiran Bugis ke Sabah (Tawau) secara besar-besaran (Ramli Dollah & W. Shawaluddin, manuskrip yang tidak diterbitkan).

Pertama, tulisan pertama tentang petempatan Bugis dikatakan telah dibuat oleh Dalrymple pada akhir abad ke-18 di Balambangan. Sungguhpun begitu, petempatan ini dilihat hanya bersifat sementara. Begitu juga pada abad ke-19, pedagang-pedagang Bugis dikatakan turut bergerak aktif di rantau ini dan merupakan antara kumpulan yang mendominasi perdagangan di bahagian pantai timur Borneo. Namun, kehadiran mereka ini didorong oleh aktiviti perdagangan. Justeru, semua pertematan mereka secara besar-besaran adalah bersifat sementara, tetapi tidak juga dinafikan wujudnya petempatan-petempatan kecil masyarakat ini. Dalam hal ini, walaupun jumlahnya agak sedikit, ia merupakan langkah awal hubungan antara Borneo Utara dan juga Indonesia (Makoto, 2001).

Kedua, kehadiran orang Bugis juga dikesan sejak abad ke-19. Mereka merupakan antara penduduk awal yang membuka Bandar Tawau (Goodlet, 2010). Goodlet menambah bahawa orang Bugis merupakan antara orang terawal yang mempunyai hubungan dengan Sulawesi Selatan sekitar Ujung Pandang. Puang Ado dianggap pemimpin Bugis yang dominan pada masa ini (Warren, 2007; Suraya, 2007; Andaya, 2003; Nordin *et al.*, 2012). Beliau dilantik menjadi ketua kepada masyarakat Bugis dan seterusnya terlibat dalam industri kelapa di Tawau. Beliau seterusnya dilantik menjadi *Penghulu* masyarakat Melayu di Tawau oleh Kerajaan British. Di samping itu, terdapat beberapa ekspedisi awal masyarakat Bugis di daerah Tawau yang juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam mempengaruhi kehadiran masyarakat Bugis di daerah tersebut. Oleh hal yang demikian, tidak menghairankan jika terdapat beberapa personaliti penting masyarakat Bugis terutamanya di daerah Tawau, antaranya ialah Daeng Mappata, Wak Neke, Wak Gempe, Haji Osman dan ramai lagi. Personaliti Bugis ini dilihat sangat dominan dalam konteks perkembangan Tawau sama ada dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Tuan Hj. Daeng Mappata sebagai contoh, merupakan bekas pemilik sejumlah besar tanah dan beberapa lot kedai di Bandar Tawau pada hari ini (Arena Wati, 1993).

Ketiga, kehadiran masyarakat Bugis di Sabah juga dikatakan berlaku sepanjang tahun 1950-an sehingga ke lewat 1960-an kerana dua faktor utama. Pertama kerana faktor ekonomi dan kedua kerana keadaan yang tidak menentu di Indonesia, seiring dengan berlakunya perjuangan mewujudkan sebuah negara Islam di Sulawesi Selatan. Di bawah pentadbiran British, BAL (*Borneo Abaca Limited*), iaitu sebuah ladang yang luas telah dibuka di daerah Tawau. Syarikat ini adalah berdasarkan kepada bekas ladang milik Jepun iaitu ‘Nissan Norin’ atau Kuhara Estet, iaitu ladang yang terbesar di daerah Tawau dan digunakan untuk penanaman koko pada tahun 1953. Ia menggaji ramai tenaga kerja dari Indonesia terutamanya penduduk yang datang dari Sulawesi iaitu etnik Bugis. Malahan, dikatakan bahawa sejumlah besar generasi kedua, ketiga dan keempat Persatuan Kebajikan Bugis Sabah (PKBS) pada hari ini adalah bekas pekerja di ladang ini (Makoto, 2001). Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah pekerja di BAL Estet sekitar tempoh 1960-an. Pekerja Bugis mengatasi etnik yang lain dengan jumlah seramai 114 (L 56, P27, K 31), diikuti Tidong seramai 45 (L 11, P 16, K 18) dan Timor, 34 (L 22, P 6, K 6).¹

Jadual 1 Komposisi pekerja di Imam Estate, Tawau

Etnik	Lelaki (L)	Perempuan (P)	Kanak-kanak (K)	Jumlah
Jawa	8	5	9	22
Timor	22	6	6	34
Tidong	11	16	18	45
Buton	15	-	-	15
Makasar	1	1	3	5
Bulongan	2	2	-	4
Cina	1	1	5	7
Filipino	-	1	-	1
Bugis	56	27	31	114
Jumlah	116	59	72	247

Sumber: Lee Yong Leng. 1965. North Borneo a study in settlement geography (Singapore: Eastern University, hlm. 109. Dipetik dari Ito Makoto, ‘The nature of Bugis migration and their network’, Kota Kinabalu, 28 August 2001).

Faktor kedua kehadiran Bugis dalam jumlah yang banyak pada peringkat ini adalah disebabkan keadaan yang tidak menentu di Indonesia. Gerakan yang diketuai oleh Kahar Muzakkir telah mengistiharkan ‘Perang Jihad’ ke atas kerajaan pusat di Jakarta. Pada peringkat awal, gerakan ini dikaitkan dengan Tentera Islam Indonesia, gerakan yang bermatlamat untuk

menubuhkan Negara Islam (Darul Islam) di Jawa Barat dan Aceh yang kemudiannya menular ke Sulawesi dan berlaku sekitar tahun 1951 hingga awal 1960-an. Sepanjang tempoh tersebut, terdapat khabar angin yang menyatakan bahawa Duta Darul Islam di Amerika, Hasan Trio, berjaya mendapatkan jaminan daripada Kerajaan British untuk memberikan bantuan bagi menjayakan gerakan ini. Walaupun tidak terdapat petunjuk jelas Britain dan Amerika akan memberikan bantuan kepada gerakan ini, menurut Harvey (1974:264) '*The only undisputed evidence of foreign involvement is the willingness of British official in Tawau, North Borneo, to ignore the extensive smuggling trade going on under their noses.*' Perkara ini sekali gus menunjukkan bahawa wujud kaitan yang rapat antara daerah Tawau dan Sulawesi dan kemungkinan penduduk-penduduk Sulawesi yang terlibat dalam pemberontakan ini melarikan diri ke Kalimantan (tidak terkecuali Tawau) tidak dapat dielakkan memandangkan hubungan sedia ada.

Pada Julai 1957, akibat daripada pemberontakan ini, dianggarkan lebih kurang 10,000 orang pekerja hilang pekerjaan di Pelabuhan Makassar,² menyebabkan ramai di antara pekerja-pekerja ini terpaksa ‘merantau’ ke beberapa wilayah di Kalimantan. Peristiwa ini menyebabkan berlaku penghijrahan masyarakat ini dengan jumlah yang besar ke wilayah-wilayah di bawah pentadbiran British seperti Tawau yang dilihat mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan pejuang-pejuang dan penduduk Sulawesi. Salah satu contoh jelas menunjukkan bagaimana penduduk-penduduk ini diusir keluar dari wilayah mereka berlaku pada 1957 apabila tentera-tentera kerajaan menyerang kedudukan gerila-gerila Darul Islam di Kaseputé (berhampiran Kolaka) menyebabkan lebih daripada 40,000 orang pelarian mencari perlindungan (Harvey, 1990; McNicoll, 1968).

Malah, Arena Wati juga mencatatkan bahawa kehadiran sejumlah besar penghijrah Bugis ke Sabah pada tahun 1955 (Arena Wati, 1993) selari dengan berlakunya pemberontakan Darul Islam di Indonesia, menjadi sandaran kepada kenyataan ini. Malangnya, disebabkan tidak wujud rekod-rekod jelas tentang hal ini, maka tidak terdapat satu angka tepat yang menunjukkan bilangan mereka. Namun demikian, berdasarkan temu bual dengan individu yang terlibat dan juga generasi mereka mengakui bahawa sememangnya berlaku penghijrahan yang besar dalam kalangan

masyarakat Bugis sepanjang tempoh gerakan Darul Islam di Indonesia. Arena Wati sendiri turut mengakui bahawa angka yang diberikan mungkin lebih besar daripada jumlah sebenar yang tiba di Sabah. Beliau berhujah bahawa jumlah penduduk Bugis di Sabah berdasarkan maklumat-maklumat kiraan penduduk di Sabah pada tahun-tahun 1950-an juga mungkin tidak memberikan sumber yang tepat kerana bilangan mereka mungkin lebih besar daripada angka yang dilaporkan. Malahan, ramai di antara mereka ini cuba menyembunyikan identiti mereka dan mengaku diri mereka sebagai penduduk berketurunan Bajau atau Tidung kerana status mereka sebagai pelarian perang (yang tidak diiktiraf) pada masa tersebut.

Jadual 2 Perbandingan jumlah keseluruhan penduduk Sabah dan masyarakat Bugis negeri Sabah 1891-1974

Tahun	Penduduk Sabah	Masyarakat Bugis
1891	67,062	2,323
1901	104,151	3,960
1911	214,279	5,510
1921	263,252	11,223
1931	277,476	10,014
1951	334,141	7,961
1960	454,421	24,784
1974*	700,000	70,000

* Memandangkan catatan ini dilakukan sepanjang tahun 1970-an, maka Arena Wati hanya membuat anggaran untuk tahun 1974.

Sumber: Arena Wati, *Meniti Kala* (Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993). Hlm. 311.

Gelombang keempat penghijrahan Bugis ke Sabah berlaku semasa awal 1980-an sehingga ke hari ini yang merupakan pendatang ekonomi. Penghijrahan dalam tempoh ini banyak dipengaruhi oleh keperluan tenaga kerja di Sabah dan masalah ekonomi yang dihadapi oleh penduduk Bugis di Sulawesi Selatan. Tidak dapat dinafikan bahawa kekurangan sumber kerja merupakan masalah utama yang dihadapi oleh negeri Sabah sejak dahulu lagi. Faktor inilah yang menyumbang kepada kehadiran sejumlah besar pendatang Bugis untuk datang ke negeri Sabah melalui Tawau. Masalah ekonomi ini sebenarnya bukan sahaja berlaku pada 1980-an, tetapi telah berlaku sejak awal 1960-an. Sementara itu, pemain-pemain utama ekonomi di Sabah pada dekad-dekad 1970-an dan 1980-an telah memberi amaran

kepada kerajaan agar memastikan kecukupan tenaga kerja ini sekiranya ekonomi negara ingin terus hidup. *The Plantation Association* pada 1980 misalnya menyatakan, “*The labour shortage in Malaysia is becoming a serious threat to the development of the nation’s economy.*”³

Beberapa usaha telah diambil sehingga kini untuk menyelesaikan masalah ini, namun tidak terdapat sebarang penyelesaian berhubung hal ini. Pada tahun 1960-an misalnya, bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah memperkenalkan Kumpulan Wang Perpindahan yang bertujuan mengimport tenaga kerja dari Semenanjung ke Sabah bagi mengatasi masalah tenaga kerja di Sabah, terutamanya dalam sektor pertanian dan perladangan. Walaupun berjaya pada awalnya, pada sekitar tahun 1970-an, didapati program ini gagal mencapai matlamatnya. Seterusnya pada awal tahun 1980-an, semasa era Berjaya di bawah Datuk Harris Salleh, satu lagi program telah dilaksanakan yang dimulakan oleh sektor swasta, iaitu Persatuan Perladangan Pantai Timur dengan kerjasama Departmen Buruh Indonesia dan Kerajaan Negeri Sabah untuk menangani masalah ini melalui pengimportan TKI ke Sabah menggunakan saluran yang betul bagi memenuhi kekurangan tenaga kerja ini. Malangnya, usaha ini juga terkubur begitu sahaja apabila kerajaan negeri yang baharu iaitu PBS tidak meneruskan dasar ini. Kesannya, Sabah terus mengalami masalah tenaga kerja sehingga hari ini. Sehingga awal 2000, didapati TKI Bugis (sama ada secara haram atau tidak) terus mendominasi sektor ini berbanding dengan yang lain. Jadual 3 menunjukkan hal ini.

Jadual 3 Komposisi Bugis di ladang-ladang terpilih di Sabah tahun 2001

NAMA SYARIKAT	LADANG	KAWASAN (HA)	JUM. PEKERJA			Jumlah Pekerja
			Temp.	Bugis	Lain2	
Consolidated Plantation Bhd	Tun Tan Siew Sin	3040	7	174		277
Kretam Management S/B	Sykt. Kretam Ladang S/B.	2,040.11	26	125		151
	KM Plantations S/B	4,473.96	63	468		531
PPB Oil Palms Bhd	Reka Halus S/B	4,651	67	633		740
	Ribubonus S/B	3,262	86	119		205
	Kiabau Plantation	1,108	42	122		174
	Sapi Plantation S/B	6,957.9	81	837		921
	Sapi Estate			1017		
Sri Kamusan	Sri Kamusan S/B	2832	89	71		160
Hibumas S/B	Hibumas S/B	7,540	196	470		666
Gamore Corporation S/B	Gamore Corporation S/B	8,900	70	169		310
Tye Yang Plantation (S)S/B	Tye Yang Estate	3,038	22	425		453
Kuala Lumpur Kepong Berhad	Kulumpang Development Corporation S/B	21,028	322	2,425		2,982
	Golden Sphere S/B	19,402	154	2,425		2,653
Borneo Samudera S/B (Indonesia)	Lahad Datu	23,074	223	3807		4,206
	Tawau	16,901	614	1,555		2,295
	Sandakan	15,530	338	1182		1,570
Sabahmas Plantation S/B	Sabahmas Plantation S/B	10,991	94	1,445		1,540

Sumber: Diubah suai daripada survei oleh Institut Kajian Pembangunan (IDS) Sabah, 2001

Orang Bugis juga didapati menjadi sebahagian daripada rakyat Kesultanan Bulungan dan Kutai. Memandangkan Bandar Tawau merupakan sebahagian daripada Kesultanan Bulungan, maka, orang Bugis sering dikaitkan dengan pembukaan Bandar Tawau. Tambahan pula, kedudukan Kalimantan dengan Sulawesi tidak jauh. Oleh hal yang demikian, apabila berlaku penghijrahan orang Bugis dari Sulawesi ke Kalimantan, mereka turut merantau ke Sabah. Di Sabah, terdapat ramai orang Bugis yang terlibat dalam sektor pembalakan. Pada awalnya, memandangkan Sabah mempunyai kawasan hutan yang luas, ramai daripada mereka yang terbabit dalam aktiviti menebang balak. Terdapat juga orang Bugis yang terlibat dalam penanaman koko pada peringkat awal tetapi apabila harga koko mulai jatuh, pembukaan ladang-ladang kelapa sawit telah bermula pada 1980-an secara besar-besaran menggantikan tanaman koko dan kopi.

DOMINASI TKI BUGIS DALAM SEKTOR PERLADANGAN KELAPA SAWIT DI SABAH: BEBERAPA PENJELASAN

Di Sabah, sesuatu sektor pekerjaan itu didominasi oleh tenaga kerja asing daripada etnik tertentu. Sebagai contoh, etnik Suluk dan Bajau terlibat dalam aktiviti perikanan dan pembinaan. Timor atau Om kebiasaanannya terlibat dalam sektor perladangan kelapa sawit dan penanaman sayur-sayuran dan etnik Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit. Seterusnya, dalam bahagian ini akan dijelaskan tentang beberapa faktor yang menyebabkan dominasi TKI/ PTI Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah.

Faktor kepayaan ekonomi di tempat asal

Sebilangan besar TKI-Bugis mempunyai latar belakang sebagai petani di tempat asal mereka. Ramai yang mempunyai tanah atau kebun untuk membolehkan mereka bertani. Seperti kata seorang informan, “*Bukannya tak boleh makang, tapi nda cukup untuk simpang (simpan)*” (Temu bual dengan seorang informan yang mahu identitinya dirahsiakan). Seorang lagi TKI-Bugis daripada Keningau apabila ditanya mengapa datang ke Sabah, jawabnya, “*Ingin mencari kelebihang* (kelebihan yang bermaksud pendapatan yang lebih dari diperoleh di kampung).” Dengan bertani di tempat asal mereka, pendapatan yang diperoleh hanya secukup hidup sahaja, iaitu

tidak membolehkan mereka menabung serta hidup mewah. Oleh hal yang demikian, melalui penghijrahan dan bekerja sebagai buruh di estet kelapa sawit diharap akan memberi peluang kepada mereka untuk menambah pendapatan serta membeli aset jika berpeluang. Kebanyakan mereka mahu bekerja secara sementara bagi mendapatkan pendapatan yang lebih. Setelah memperoleh pendapatan yang mencukupi mereka biasanya kembali ke kampung halaman di Sulawesi Selatan. Terdapat masyarakat Bugis yang tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri walaupun mereka telah berada di Malaysia sekitar 1950-an dan 1960-an, sedangkan ketika itu urusan mendapatkan kewarganegaraan lebih mudah disebabkan oleh faktor ini.

***Siri'*, pegangan hidup etnik Bugis**

Orang Bugis merupakan etnik yang memiliki pegangan hidup yang kuat. Misalnya A. Moein Mg menulis, “*Setiap laki-laki keturunan Bugis-Makassar harus berani, pantang menyerah menghadapi lawan maupun tantangan perjuangan hidup*” (Moein, 1994). Bagi Asmiaty & Mustapa, *siri'* berkaitan dengan harga diri dan kehormatan (Asmiaty & Mustapa, 2012: 164). Hal ini dapat diperhatikan dalam diri individu etnik Bugis serta menjadi ‘driving force’ dalam kehidupan mereka untuk berjaya. Seperti yang dijelaskan pada peringkat awal, konsep *siri'* misalnya digunakan secara meluas bagi menggalakkan setiap individu Bugis agar terus berusaha mencapai taraf hidup yang sempurna sebagai seorang manusia. Berdasarkan kepada hal ini menyebabkan ramai individu Bugis menjadi *passompe'* (perantau atau hijrah), iaitu seorang yang boleh hidup berdikari dan tidak perlu bergantung kepada orang lain. Nurul Ilmi Idrus melihat kepergian orang Bugis ke Malaysia sebagai satu *sirri'* (Idrus, 2008).

Lineton pula melihat *pasompe'* sebagai suatu karakteristik yang dikaitkan dengan masyarakat Bugis. Ia adalah satu ideologi yang meletakkan prestij yang tinggi kepada mereka yang telah menyeberangi lautan demi merubah untung nasib atau mencari kekayaan (1975: 174). Selain itu, memandangkan Islam merupakan anutan utama kepada kumpulan etnik ini, Islam juga dijadikan cara hidup. Misalnya, adalah menjadi cita-cita setiap individu etnik Bugis untuk menunaikan haji di Mekah. Biarpun sebenarnya tuntutan Islam yang mahukan setiap umatnya yang berkemampuan menunaikan ibadat haji sekurang-kurangnya sekali seumur hidup, bagi etnik Bugis ia menjadi satu

kemestian yang harus menjadi cita-cita yang tertanam dalam diri mereka (Haji Rashid Ambotang, 20 April 2011). Hal ini disebabkan pandangan yang begitu tinggi oleh masyarakat terhadap seseorang yang telah menunaikan haji. Pandangan tinggi ini menyebabkan seseorang jemaah haji yang baru pulang dari Mekah itu kebiasaananya mahu berpakaian lengkap seperti mengenakan jubah serta heikal di kepala. Oleh hal yang demikian, cita-cita menunaikan haji ini mendorong etnik Bugis untuk bekerja keras agar mereka dapat menunaikan ibadat haji biarpun hidup sebenarnya susah. Justeru, konsep *siri'* misalnya banyak memandu etnik Bugis supaya mereka kuat semangat, gigih bekerja dan akhirnya dapat mengumpul kekayaan bagi mengubah kehidupan mereka pada masa akan datang. Namun, hasrat ini tidak mungkin dicapai jika mereka bekerja di kampung, kecuali mereka berhijrah dan bekerja dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. Langkah ini bertujuan agar mereka mampu mengumpul duit untuk mencapai hasrat mengerjakan haji.

Jaringan sosial

Faktor ini menjadi faktor utama penghijrahan dalam kalangan migran. Migran didapati tidak akan berpindah ke suatu tempat baharu jika mereka tidak mempunyai jaringan sosial (Dayang Suria, 2010). Jaringan sosial penting bagi penghijrah baharu kerana beberapa sebab. Pertama, dengan adanya saudara-mara atau orang kampung akan membolehkan migran Bugis untuk menumpang terlebih dahulu sebelum mendapat pekerjaan. Kedua, migran yang baharu datang ini akan dibantu oleh keluarga atau kenalan yang telah pun lama berhijrah bagi mendapatkan pekerjaan. Ketiga, mereka juga boleh berhutang daripada saudara-mara mereka tadi. Keempat, Lineton menekankan pentingnya jaringan sosial dalam konteks masyarakat Bugis kerana pengalaman merantau berabad lamanya yang memastikan sebagai *feeder* atau maklumat kepada bakal mereka yang mahu bermigran (Lineton, 1975: 190). Dengan koloni-koloni Bugis yang bertabur di Semenanjung Malaysia, Kalimantan, Sumatera atau tempat-tempat lain ia menjadi pusat sumber bagi bakal migran. Jaringan sosial merupakan satu faktor yang penting orang Bugis untuk berhijrah ke tempat baharu. Memandangkan ramai saudara-mara atau sahabat dari kampung mereka yang terlibat dalam aktiviti pertanian khususnya penanaman kelapa sawit, menyebabkan ramai migran Bugis turut berhijrah dengan harapan dapat mengubah kehidupan mereka. Kelima, mereka berasa '*secure*' berada dalam kalangan saudara-mara serta handai taulan sekampung.

Berdasarkan temu bual yang dibuat dengan TKI Bugis di estet-estet di Sabah, didapati ramai yang bekerja di tempat yang mempunyai saudara-mara atau penduduk sekampung dengan mereka. Maka, estet sering berhadapan dengan masalah pekerja yang sering berhenti dan berpindah estet. Satu daripada sebab migran Bugis berhenti dan berpindah estet adalah kerana mencari saudara-mara atau orang kampung mereka (Wan Shawaluddin *et al.* 2011). Di samping itu, jaringan sosial merupakan satu cara yang digunakan oleh estet untuk mendapatkan pekerja dari Sulawesi Selatan.⁴ Mandur kebiasaan akan diupah oleh majikan pulang ke kampung masing-masing untuk mendapatkan pekerja. Oleh hal yang demikian, kita akan mendapati bahawa sekiranya mandur itu adalah Bugis Bone, maka pekerja itu terdiri daripada Bugis Bone juga (Wan Shawaluddin *et al.*, 2011).

Pengaruh daripada kalangan Bugis yang telah lama berhijrah ke Sabah

Kehadiran orang Bugis yang lebih awal di Sabah banyak mempengaruhi keluarga serta sahabat dari kampung asal mereka untuk berhijrah. Kebanyakan mereka pada asalnya terlibat dalam penanaman koko atau kopi selain terlibat dalam sektor pembalakan. Namun, apabila kelapa sawit diperkenalkan mereka telah bertukar tumpuan kepada tanaman tersebut. Orang Bugis ini didapati memiliki tanah sendiri kerana mereka telah membuka tanah-tanah hutan. Apabila tanaman mula mengeluarkan hasil, kehidupan keluarga Bugis ini semakin berubah dan mula menikmati kehidupan yang senang.

Penghijrahan orang Bugis ini telah menunjukkan peningkatan dari segi taraf hidup mereka berbanding dengan orang kampung mereka yang tidak berhijrah. Perubahan positif ini telah menjadi daya tarikan kepada penduduk dari kampung asal mereka yang masih belum berhijrah untuk melakukan perkara yang sama. Namun tidak seperti mereka yang datang lebih awal ke Sabah, TKI/PTI Bugis tidak lagi mampu membersihkan hutan dan membuka tanah serta bercucuk tanam dengan tanaman seperti koko, kopi atau kelapa sawit. Sebaliknya, mereka terpaksa bekerja di sektor perladangan sebagai buruh. TKI disediakan rumah yang mempunyai dua bilik, elektrik serta air percuma.⁵ Dengan gaji yang diperoleh,⁶ hanya sejumlah kecil yang digunakan untuk membeli makanan seperti beras dan

ikan. Mereka tidak membeli sayur kerana adanya pucuk paku dan kangkung yang cuma perlu dipetik di sekitar estet. Wang lebihan akan disimpan untuk membolehkan wang dihantar pulang kepada keluarga di kampung.

Daya ketahanan yang tinggi

Sektor perladangan kelapa sawit terkenal dengan keperluan pekerja yang memiliki kepakaran. Misalnya, *pruning* serta menombak buah merupakan kerja yang memerlukan kesabaran dan kepakaran. Menombak buah terutamanya memerlukan daya ketahanan sekiranya pokok mencapai ketinggian lebih dari 2 meter. Hal ini disebabkan pekerja terpaksa mendongak untuk jangka masa yang lama bagi memotong buah dari tangkai dan menjatuhkan buahnya. Berdasarkan temu bual dengan beberapa orang pengurus estet di Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak dan Tawau dari 2009 hingga 2012, mereka menyatakan kepakaran ini cuma dikuasai oleh pekerja etnik Bugis serta Timor (di Sabah) dan etnik Jawa (di Semenanjung).

Pruning pula ialah kerja membersihkan serta memotong pelepah-pelepah pokok kelapa sawit. Kerja ini juga rumit jika pokok tinggi dan memerlukan pekerja mendongak bagi membersihkan pelepah-pelepah pokok. Selain itu, keadaan kontur muka bumi yang berbukit-bukau juga turut memberi kesan kepada pekerja. Jika estet terdiri daripada muka bumi yang landai, maka ia akan memudahkan pekerja bekerja. Seandainya keadaan permukaan estet yang berbukit-bukau ia akan menyukarkan tugas pekerja di estet, disebabkan kesukaran menombak buah sawit serta mengangkat keluar buah. Kepakaran ini tidak ada pada etnik lain di Sabah. Maka, tidak menghairankan jika tidak ramai Tenaga Kerja Filipina (TKF) yang terlibat dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah.

Dasar migrasi Sabah

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, di Sabah, dasar terhadap pengambilan pekerja ialah dari dua buah negara, iaitu Indonesia dan Filipina merupakan antara polisi utama kerajaan (Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri Sabah sendiri). Dasar ini hanya diubah pada tahun 2010 apabila pekerja dari Vietnam, Bangladesh, India dan Pakistan mula diterima bekerja. Pengambilan pekerja

dari dua buah negara ini memperlihatkan berlaku pengasingan sektoral. Sektor pembinaan dan domestik bergantung kepada TKF. Sejak dahulu lagi, iaitu sebelum dan awal kemerdekaan, Sabah mengalami kekurangan tenaga kerja yang sangat meruncing. Hal ini diakui sendiri melalui Pelan Pembangunan Sabah pada tahun 1965–1970 yang jelas menyebut bahawa;

There is little doubt, however, that the pace of economic development cannot be maintained unless an alternative source is found to provide an annual increase in the number of persons engaged in agriculture (Pang, 1989, 83).

Malahan, terdapat hujah yang menyatakan bahawa selain faktor politik, dasar akomodasi Tun Mustapha pada tahun 1960-an dan 1970-an terhadap pendatang banyak dipengaruhi oleh pertimbangan ekonomi akibat keperluan tenaga kerja yang mendesak ini (Dorall, 1989). Akibat daripada masalah kekurangan tenaga kerja ini, maka, Kerajaan Negeri dan Pusat telah menjalankan beberapa dasar bagi mengatasi masalah ini, antaranya seperti pengimportan tenaga kerja dari Semenanjung pada 1960-an bagi memenuhi permintaan buruh yang tinggi di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, semua usaha ini gagal mencapai matlamatnya. Dalam hal ini, kerajaan tidak mempunyai pilihan selain daripada menggaji atau mengimport tenaga kerja dari Indonesia dan Filipina. Malah, telah menjadi dasar bagi negeri Sabah untuk mengambil pekerja dari Filipina dan Indonesia kerana faktor kesamaan dari segi budaya dan bahasa. Akibatnya, ramai orang Bugis yang digaji untuk bekerja di sektor perladangan dan orang Filipina di sektor pembinaan. Dasar kerajaan ini juga merupakan antara penyebab utama kepada kehadiran sejumlah besar pekerja Bugis dalam sektor perladangan kerana kemahiran mereka untuk bekerja di sektor ini.

RUMUSAN

Sebagai salah satu sektor yang sangat penting kepada ekonomi Sabah, perladangan kelapa sawit memerlukan tenaga buruh yang ramai untuk melaksanakan tugas-tugas yang sering dikatakan agak berat. Kekurangan penglibatan warga tempatan dalam sektor perladangan kelapa sawit ini telah menuntut keperluan pengambilan buruh asing, terutama dari Indonesia

yang disebut sebagai TKI. Sebilangan besar TKI yang terlibat dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah ini berasal dari Sulawesi Selatan dan berketurunan Bugis. Artikel ini telah membuat sorotan penghijrahan masyarakat Bugis ke Sabah dan menghuraikan pendominasian orang Bugis di sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. Tinjauan dan pemerhatian telah dilakukan di beberapa buah estet di Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak dan Tawau. Tinjauan ini turut dilengkapi dengan temu bual bersama pengurus, penolong pengurus, mandur, pihak Konsulat Jenderal Republik Indonesia, TKI, PTI dan pihak polis.

Penghijrahan orang Bugis ke Sabah telah dicirikan oleh konsep iaitu *siri*’ (maruah) yang telah memaksa mereka menjadi *passompe*’ (pengembala). Penghijrahan awal orang Bugis ke Sabah telah dicatatkan bermula pada akhir abad ke-18 yang bersifat sementara dan didorong oleh aktiviti perdagangan. Malah, melalui aktiviti perdagangan inilah yang telah membawa kepada pembukaan Bandar Tawau oleh masyarakat Bugis dari Sulawesi Selatan. Kehadiran masyarakat Bugis ini telah dirancakkan lagi mulai pertengahan abad ke-20 atas alasan tuntutan ekonomi dan keadaan politik yang tidak menentu di Indonesia. Pembukaan ladang koko terbesar di Tawau oleh pentadbiran British telah menggunakan ramai tenaga kerja kaum Bugis. Keadaan yang tidak menentu di Indonesia yang ditimbulkan oleh gerakan menuntut penubuhan Darul Islam turut menyumbang kepada penghijrahan masyarakat Bugis ke Sabah. Pemberontakan ini telah menyebabkan ramai pekerja kehilangan pekerjaan di Pelabuhan Makassar dan berhijrah ke wilayah pentadbiran British termasuk Tawau. Mereka telah ditempatkan di estet-estet milik British.

Dominasi masyarakat Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah juga turut dapat dijelaskan oleh faktor jaringan sosial yang dilihat kepada kewujudan hubungan kekeluargaan dan sosial. Mereka yang telah menetap atau bekerja di ladang-ladang kelapa sawit cenderung untuk mengajak saudara-mara dan orang kampung supaya turut sama berhijrah ke Sabah dan bekerja di sektor perladangan. Peningkatan kesejahteraan hidup ahli keluarga terdekat dan orang kampung telah mendorong saudara-mara dan orang-orang yang sekampung dengan mereka untuk bekerja dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah.

Dasar migrasi Sabah yang telah memberi galakan pengambilan pekerja asing dari Indonesia dan Filipina turut menyumbang kepada dominasi masyarakat Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. Walaupun mulai tahun 2010, pekerja-pekerja asing dari negara-negara lain seperti Vietnam, Bangladesh, India dan Pakistan diambil bekerja di Sabah, tetapi mereka lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan dan domestik berbanding dengan sektor perladangan kelapa sawit. Hal ini disebabkan oleh kerja-kerja di ladang kelapa sawit menuntut daya ketahanan yang tinggi untuk melakukan kerja-kerja menumbak buah di kawasan muka bumi yang berbukit-bukau. Masyarakat Bugis memiliki ciri ketahanan ini. Hakikatnya, dengan daya ketahanan yang tinggi untuk melakukan kerja-kerja berat inilah yang membolehkan masyarakat Bugis mendominasi sektor perladangan kelapa sawit di Sabah.

NOTA

- ¹ L merujuk kepada Lelaki ; P merujuk kepada Perempuan dan K merujuk kepada Kanak-kanak.
- ² Pada tahun 1956, jumlah eksport Pelabuhan Makassar dianggarkan 100,000,000 kilogram tetapi pada 1957, jumlah ini jatuh kepada 73,200,000 kilogram dan jatuh mendadak kepada 31,300,00 kilogram pada tahun berikutnya.
- ³ The Planter, 1980, dipetik dari Daud Amatzin, ‘Migrant workers and the plantation sector’, in Azizah Kassim (Ed.), *Proceeding of Public Responses to Foreign Workers in Sabah*, (Kota Kinabalu: UPEP, 2004), hlm. 2.
- ⁴ TKI Bugis dikatakan kuat bekerja dan rajin. Oleh itu, mereka disenangi oleh ramai majikan yang ditemui bual. Sebaliknya, TKI Timor pula meskipun merupakan pekerja yang baik tetapi tidak disenangi kerana sering mengambil cuti serta sangat kerap bergaduh. Temu bual dengan seorang bekas pengurus sebuah estet di Tawau pada 30 September 2011.
- ⁵ Data ini berdasarkan kajian lapangan 2009–2012. Selepas tahun 2013, TKI mula membayar bil elektrik sendiri memandangkan bayaran levi telah dibayar oleh majikan. Bekalan elektrik cuma disediakan majikan dari pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi.
- ⁶ Gaji bergantung kepada estet dari RM12 hingga RM16 sehari. Lazimnya TKI bekerja selama tujuh hari tetapi hari Ahad mereka cuma bekerja sehingga tengah hari. Sebelum tahun 2009, gaji sangat murah iaitu antara RM7–RM11.

RUJUKAN

- Acciaoli, Greg. (2009). *Sulawesi*. Dlm. Brown (Ed.). *The Territories of Indonesia* London: Routledge.
- Andaya, Barbara W. & Andaya, Leonard Y. (1983). *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan Asia.
- Arena Wati. (1993). *Meniti kala*. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat & Mustapa Talip. (2012). ‘Siri’ dan ‘Pesse’ (Paccei) sebagai pandangan hidup.’ Dlm. Asmiaty Amat (Ed.). *Bugis Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbit ITBM.

- Data Tenaga Kerja Indonesia 2010-2014, Konsulat Jenderal Republik Indonesia, Kota Kinabalu.
- Dayang Suria Haji Mulia. (2009). ‘Illegal immigrants in Sabah: The roles of social networks, and the gender differences, Disertasi PhD, University of South Carolina.
- Dorall, F.R. (1989). Foreign workers in Malaysia: Issues and implications of recent illegal economic migration from the Malay world. Dlm. *The trade in domestic helpers*. Kuala Lumpur: PDC.
- Goodlet, Ken. (2010). *Tawau the making of a tropical community*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Harvey, Barbara. (1974). Tradition, Islam and Rebellion, Tesis PhD, University of Cornell.
- Idrus, Nurul Ilmi. (2008). Pandai-pandailah: Dilema dan strategi kehidupan pekerja migran Bugis di kebun kelapa sawit Malaysia. *Seminar Paper*, (Center for Population and Policy Studies, Gadjah Mada University.
- Ito, Makoto. (2002). The nature of Bugis migration and their networks.” Dlm. Miyazaki, Koji (Ed.). *Making of Multi-Cultural Sabah*. Tokyo: Research Institute for Languages and Cultures of Asia and Africa, Tokyo University of Foreign of Studies.
- Lee Yong Leng. (1965). *North Borneo a study in settlement geography*. Singapore: Eastern University.
- Lineton, Jacqueline. (1975). Pasompe’ Ugi’: Bugis migrants and wanderers. Dlm. *Archipel*, Vol. 10, pp. 173–201.
- McNicoll, Geoffrey. (April, 1968). ‘Internal migration in Indonesia: Descriptive Notes.’ *Indonesia*, Vol. 5 (5), pp. 29–92.
- Mg, A. Moein. (1994). *Menggali nilai-nilai budaya Bugis-Makassar: Sirik na Pacce*. Ujung Pandang: Penerbit Yayasan Makassar Press.
- Nordin Sakke, Ramli Dollah & Mohamad Tahir Mapa. (2012). Perhijrahan dan perkembangan masyarakat Bugis Sabah. Dlm. Asmiaty Amat (Ed.). *Bugis Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbit ITBM.
- Pang Teck Wai. (1989). Economic growth and development in Sabah 25 years after independence. In Jeffery Kitingan & Maximus Ongkili (Eds.). *Sabah: 25 Years Later (1963-1988)*. Kota Kinabalu: IDS Sabah.
- Pelras, Christian. (2006). *Manusia Bugis*. (Terj. Abdul Rahman Arsuka, Hasriadi & Nurhady Sirimorok). Jakarta: Forum Jakarta Paris.
- Ramli Dollah & W. Shawaluddin W. Hassan. Manuskip yang tidak diterbitkan.
- Suraya Sintang. (2007). *Sejarah dan budaya Bugis di Tawau, Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- The Planter, 1980, dipetik daripada Daud Amatzin, Migrant workers and the plantation sector dalam Azizah Kassim (Ed.) 2004. *Proceeding of Public Responses to Foreign Workers in Sabah*. Kota Kinabalu: UPEP.

- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2011). *Pendatang dan isu keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Marja Azlima Omar & Ahmad Mosfi Mahmood. (2011). Undocumented workers in Sabah Plantation Sector: By Force or Choice? *Bumantara, Journal of Social & Political Development*, 1(1) pp. 120–140.
- Warren, James F. (2007). *The Sulu Zone 1768-1898: The dynamics of external trade, slavery, and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapura: NUS Press.

Temu Bual

Beberapa orang TKI yang mahu nama mereka dirahsiakan.

Beberapa orang pengurus estet di Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak dan Tawau, dari 2009 hingga 2012.

Haji Rashid Ambotang (bukan nama sebenar), Kota Kinabalu, 20 April 2011.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa

(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

